

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE
[SANDAKAN]

TARIKH : 2 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 57

PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah dasar dan insentif Kementerian untuk menghasilkan dan menarik lebih banyak pakar perubatan untuk menangani masalah kekurangan pakar di hospital awam, terutamanya di bandar-bandar seperti Sandakan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Bagi menangani masalah kekurangan Pakar Perubatan di hospital awam, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menghasilkan dan menarik lebih ramai Pakar Perubatan melalui:

1. Peningkatan slot tajaan Hadiah Latihan Persekutuan daripada 800 slot pada tahun 2009 kepada 1,100 slot pada tahun 2019 untuk menggalakkan lebih ramai Pegawai Perubatan melanjutkan pengajian dalam program Sarjana Kepakaran;
2. Peningkatan peluang latihan kepakaran perubatan melalui Program Latihan Kepakaran *Parallel Pathway*;
3. Pelantikan semula secara kontrak Pegawai Perubatan Pakar warganegara yang telah bersara wajib untuk berkhidmat dengan

NO SOALAN : 57

KKM mengikut keperluan terutama bagi bidang kritikal dan di kawasan yang memerlukan perkhidmatan kepakaran yang tinggi;

4. Perkhidmatan kepakaran daripada pihak swasta untuk berkhidmat secara *sessional* (dengan izin) di mana Kerajaan telah meluluskan kenaikan kadar bayaran perkhidmatan *sessional* ini mengikut kategori berkuatkuasa pada 1 Mei 2019; dan
5. Menggalakkan Pakar Perubatan warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air.

Selain itu, bagi menarik minat Pegawai Perubatan untuk berkhidmat di Sabah, insentif dan elaun khas yang disediakan Kerajaan ialah:

1. Bayaran Insentif Wilayah bagi pegawai di Sabah atas kadar peratusan 12.5 hingga 25 peratus daripada gaji bulanan;
2. Elaun Khas Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan (EKMLTK) kepada Pegawai Perubatan yang berkhidmat di fasiliti kesihatan di kawasan pedalaman yang diluluskan, atas kadar RM500 atau RM1,000 atau RM1,500 berdasarkan kategori pedalaman fasiliti tersebut;
3. Bayaran Insentif Pedalaman bagi pegawai di Sabah atas kadar 10 peratus dari gaji bulanan;
4. Bayaran Insentif Penempatan Sabah, Sarawak dan Labuan kepada pegawai bukan warganegara yang dilantik secara kontrak berkhidmat di Sabah, Sarawak atau Labuan;
5. Bayaran Insentif Penempatan Pakar Perubatan/Pergigian di Fasiliti Kesihatan Di Sabah dan Sarawak berkuatkuasa 1 Julai 2016;

6. Bayaran Insentif Penempatan Pakar Perubatan/Pergigian di Fasilitas Kesehatan Di Wilayah Persekutuan Labuan berkuatkuasa mulai 1 April 2017; dan
7. Pegawai Perubatan yang berkhidmat di Sabah diberi merit 5% markah tambahan dalam markah keseluruhan bagi pemilihan calon yang akan menjalani latihan kepakaran untuk Program Sarjana Perubatan.

Dalam pada itu, KKM juga menambahbaik perkhidmatan kepada rakyat khususnya dalam perkhidmatan kepakaran termasuk:

1. Melaksanakan konsep hospital kluster melalui perkongsian kemudahan antara hospital bagi Pakar Perubatan dan Pegawai Perubatan menyampaikan rawatan kesihatan dalam lingkungan hospital-hospital yang diklusterkan; dan
2. Melaksanakan *visiting specialist* (dengan izin) bagi Pakar Perubatan menyampaikan rawatan kepada penduduk sekitar di luar bandar.

Sehingga 31 Mei 2019 terdapat 35 Pegawai Perubatan Pakar pelbagai bidang yang ditempatkan di Hospital Dutchess of Kent, Sandakan.

Sekian, terima kasih.